

Headline	SEA tingkat daya saing negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	57	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm <sup>2</sup>
Journalist	ANITA ABU HASAN	AdValue	MYR 2,096
Frequency	Daily	PR Value	MYR 6,287



# SEA tingkat daya saing negara

**ANITA ABU HASAN**

**PENUNTUT** universiti dipelawa menceburkan diri dalam bidang keusahawanan terutama melibatkan teknologi tinggi kerana langkah itu boleh mempertingkatkan daya saing negara dalam perdagangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Mukhriz Mahathir berkata, sehubungan itu mereka digalakkan menyertai program keusahawanan atau Industri Kecil Sederhana (IKS) bagi mendapatkan ilmu keusahawanan seperti dilaksanakan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang melancarkan Persatuan Keusahawanan Siswa UniKL atau Student Entrepreneurship Association (SEA), baru-baru ini.

Menurutnya, negara menikmati imbalan dagangan positif sejak 1997 dan bermula pada 2006 nilai dagangan (eksport dan import) negara mencecah RM1 trilion. Bagaimanapun dalam usaha mengekalkan prestasi itu eksport negara perlu sentiasa melebihi import.

"Golongan mahasiswa mesti mengambil peluang ini memandangkan terdapat pasaran luas. Misalnya, eksport dalam bidang elektronik dan elektrik ke China. Pasaran yang luas sudah tentu dapat membantu kita untuk lebih berdaya saing dalam perdagangan.

"Justeru, bagi memenuhi permintaan ini kita perlu lahirkan usa-

hawan tenaga mahir khususnya dari UniKL," katanya ketika berucap di hadapan seramai 400 usahawan mahasiswa pada majlis pelancaran tersebut yang berlangsung di Bangi.

Sebelum itu, SEA merupakan inisiatif UniKL dalam memperkasa budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa. Ia terdiri daripada mahasiswa dari seluruh kampus cawangan UniKL yang bergiat aktif dalam aktiviti keusahawanan dan disokong penuh oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) selain diselia di bawah Pusat Keusahawanan Mahasiswa universiti itu.

Dengan penubuhannya, Mukhriz berharap lebih ramai bakal usahawan mahir dilahirkan oleh UniKL berikutan ia menjadi satu saluran untuk mahasiswa di institusi tersebut menjalankan aktiviti keusahawanan secara aktif yang dianjurkan di peringkat universiti, seterusnya mencapai visi memangkinkan dan melahirkan lebih ramai usahawan berdaya saing.

Sementara itu, Ketua Pusat Keusahawanan Mahasiswa, Bahtiar Kasbi berkata, universiti menetapkan sasaran seramai 240 mahasiswa bergelar usahawan berjaya pada 2015. Justeru untuk mencapai KPI yang ditetapkan Mara itu, pihaknya menjadikan SEA sebagai platform kepada ma-

hasiswa mendapatkan maklumat dan saluran perniagaan

"Tiga modul diterapkan menerusi SEA yang terdiri daripada pembudayaan, conversion dan pengukuhan. Untuk modul pembudayaan, setiap mahasiswa digalakkan mempunyai syarikat dan menjalankan perniagaan ketika mereka masih di dalam kampus (pembelajaran).

"Modul conversion pula menyaksikan mereka akan didedahkan dengan seminar keusahawanan selepas tamat pengajian. Modul pengukuhan dilaksanakan apabila mereka sudah dikenal pasti berjaya sebagai usahawan di mana pihak Mara akan memilih mereka untuk dijadikan usahawan Tekno atau usahawan yang menjalankan perniagaan di atas kepakaran bidang masing-masing," jelasnya.

Seorang penuntut, Siti Nornabila Mohd Rosli, 23, berkongsi pengalamannya mengenai keistimewaan persatuan berkenaan yang banyak memberikan maklumat dan cara berniaga. Hasilnya dia kini berjaya beroleh keuntungan kira-kira 20 peratus sehari di atas perniagaan makanan ringan dijelankannya di sekitar kampus.

"Saya sudah ada pendapatan sendiri dan tidak lagi bergantung dengan wang pinjaman semata-mata mahupun meminta duit saku daripada ahli keluarga di kampung," katanya.

Headline	SEA tingkat daya saing negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	57	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm <sup>2</sup>
Journalist	ANITA ABU HASAN	AdValue	MYR 2,096
Frequency	Daily	PR Value	MYR 6,287



**Mukhriz (kiri) melawat pameran usahawan peserta SEA.**